



31 Oktober 2012
31 October 2012
P.U. (A) 353

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN) (PINDAAN) (NO. 5) 2012

SALES TAX (EXEMPTION) (AMENDMENT) (NO. 5) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 1972

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN) (PINDAAN) (NO. 5) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) (Pindaan) (No. 5) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Oktober 2012.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008 [*P.U. (A) 91/2008*], yang disebut sebagai “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2 dengan memotong perkataan “barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual A dan”.

Pindaan perenggan 3

3. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda dengan memotong perkataan “dalam ruang (3) Jadual A dan”.

Pindaan perenggan 4

4. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 4 dengan perenggan yang berikut:

“Penjenisan barang-barang

4. Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Perintah ini hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].”.

Pemotongan Jadual A

5. Perintah ibu dipinda dengan memotong Jadual A.